

Headline	TNB sain perjanjian beli tenaga		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	08 Aug 2020	Readership	338,115
Circulation	112,705	Page No	24
Section	Bisnes	Journalist	N/A
ArticleSize	80 cm ²		
PR Value	RM 9,455		



TNB sain perjanjian beli tenaga

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) memeterai perjanjian pembelian tenaga (PPA) bersama syarikat tujuan khas Tadmax Resources Bhd, Pulau Indah Power Plant Sdn Bhd (PIPP).

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, TNB berkata, kerajaan menganugerahkan hak kepada Tadmax Resources untuk membangunkan loji tenaga gas baharu di Pulau Indah, Selangor.

“Sehubungan itu, TNB mengumumkan memeterai PPA bersama PIPP (sebelum ini dikenali sebagai Tadmax Indah Power Sdn

Bhd), sebuah syarikat tujuan khas dimiliki Tadmax Resources (40 peratus), Worldwide Holdings Bhd (35 peratus) dan Korea Electric Power Corp (25 peratus).

“PPA adalah bagi tempoh 21 tahun daripada tarikh operasi komersial blok penjanaan pertama, yang dijangka pada 1 Januari 2024,” katanya.

TNB berkata, PIPP akan membina, memiliki, mengendali dan menyelenggara kemudahan penjanaan elektrik dengan kapasiti nominal keseluruhan 1,200 megawatt (MW) terletak di Pulau Indah.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia Berhad)	3	0	RM 0
RAM Bursa Malaysia (RAM Bursa Malaysia)	2	0	RM 0
Singapore-Malaysia Relations (Singapore-Malaysia Relations -	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	6	0	RM 0
Worldwide Holdings Bhd (Worldwide Holdings Bhd)	2	0	RM 0